

Pusat Sumber

Kami mempunyai koleksi buku dan video sebanyak 500 buah dalam pelbagai jenis masalah pembelajaran dan intervensi, sedia untuk dipinjam tanpa apa-apa bayaran. Pusat sumber ini membekalkan bahan rujukan yang penting untuk ibu bapa dan cikgu-cikgu yang membantu kanak-kanak berkeperluan khas.

Panduan Pinjaman:

Jumlah buku: 2 buku setiap kali pinjaman

Tempoh Pinjaman: 2 minggu

Hubungi Kami:

- Jikalau anda fikir bahawa kanak-kanak/pelajar anda mempunyai masalah pembelajaran/emosi/tingkahlaku
- Jikalau anda perlu maklumat tentang perkhidmatan/pusat-pusat/pakar-pakar yang dapat menolong kanak-kanak berkeperluan khas
- Jikalau sekolah/institusi anda ingin jemput pekerja BOLD untuk memberi ceramah/bengkel kerja tentang *dyslexia*, *ADD/ADHD*, masalah emosi/tingkahlaku, dan masalah pembelajaran yang lain
- Jikalau anda mengetahui sesiapa yang ingin berkongsi kepakaran mereka melalui ceramah atau bengkel kerja
- Jikalau anda suka bersama dengan kanak-kanak dan mempunyai beberapa jam seminggu untuk berkongsi, sila menyertai pasukan sukarelawan BOLD

BOLD merupakan satu projek Majlis Perundangan Pendidikan Pulau Pinang (PECC) di bawah portfolio Jawantankuasa Pendidikan Negeri.

Aktiviti BOLD merangkumi 6 bidang:-

- meningkatkan kesedaran & pengetahuan orang umum tentang masalah pembelajaran melalui ceramah dan bengkel kerja
- memperkembang & melaksanakan pelbagai program intervensi
- Melaksanakan kursus untuk melatih sukarelawan
- Menjalankan kajian dan menerbitkan buku-buku tentang pelbagai masalah pembelajaran
- Membekalkan sumber rujukan dan sokongan kepada ibu bapa dan cikgu-cikgu
- Menyeru supaya perkhidmatan intervensi untuk kanak-kanak berkeperluan khas ditingkatkan

Laman web:
www.seri.com.my/boldpace

*Perkhidmatan BOLD juga ditawarkan di
Pusat BOLD-Pertubuhan Bunga Tanjung
61 Lengkok Siakap Satu
13700 Seberang Jaya, Perai
Emel: boldpace@yahoo.com
Telefon: 04-3984 358
Selasa, Rabu, Khamis : 11 pagi – 4 petang*

PUSAT



48 Jalan Tembaga

11600 Penang

Telefon/Faks: 04-6598611

Emel: boldpace@yahoo.com

Waktu pejabat:

Selasa-Sabtu

1.00 petang – 5.00 petang

BERMAIN, BELAJAR, MAJU BERSAMA-SAMA - Kumpulan bermain untuk kanak-kanak berkeperluan khas

Objektif:-

- Merangsang perkembangan sosial & kemahiran berkomunikasi (misalnya mengambil giliran, tumpu perhatian, ikut arahan, menjawab permintaan)

Kumpulan Sasaran:-

- Kanak-kanak berumur 3-5 tahun yang mempunyai kelewatan perkembangan terutama sekali dalam aspek kemahiran sosial, komunikasi dan bahasa (autisma sederhana, *ADHD*, *Sindrom Down's*)

Struktur :-

- Satu blok sebanyak 8 sesi, sesi diadakan seminggu sekali selama 1 jam

Komitmen Ibu Bapa:-

- Seorang ibu bapa/penjaga perlu hadir pada setiap sesi
- Tiba tepat masa untuk semua sesi
- Hadir perjumpaan dengan Pemudahcara Kumpulan Bermain untuk membincang perkembangan kanak-kanak

TRANSISI KE SEKOLAH - Kerja Kumpulan Ibu Bapa & Kanak-kanak

Objektif:-

- membantu ibu bapa belajar strategi-strategi mengurus tingkahlaku kanak-kanak di rumah dan sekolah supaya kanak-kanak dapat menyesuaikan diri di alam persekolahan

Kumpulan Sasaran:-

- Kanak-kanak berumur 5-7 tahun yang mempunyai masalah pembelajaran, isu perkembangan dan/atau tingkahlaku tetapi mempunyai potensi untuk menyesuaikan diri di alam persekolahan aliran utama
- Pekerja BOLD akan menilai sama ada kanak-kanak akan bermanfaat daripada program ini

Struktur :-

- Satu blok sebanyak 10 sesi, 2 jam untuk setiap sesi

Komitmen Ibu Bapa:-

- Tiba tepat masa untuk semua sesi
- Seorang ibu bapa/penjaga perlu hadir pada setiap sesi

PERKHIDMATAN KAMI



FOKUS MEMBACA

Objektif:-

- Membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca yang asas dalam bahasa pengantar sekolah mereka (Bahasa Malaysia, Mandarin atau Tamil).

Kumpulan sasaran:-

- Kanak-kanak berumur 6 – 8 tahun yang menghadapi masalah semasa belajar membaca
- Pekerja BOLD akan menilai sama ada kanak-kanak akan bermanfaat daripada program ini

Struktur: -

- Satu blok selama 4 minggu, 3 - 4 sesi seminggu, 1 jam untuk setiap sesi

Komitmen Ibu Bapa:-

- Tiba tepat masa untuk semua sesi
- Membantu kanak-kanak membuat kerja rumah yang diberi oleh *tutor*
- Hadir perjumpaan dengan *tutor*/penyelaras program untuk membincang perkembangan kanak-kanak



TERAPI PERMAINAN

Objektif:-

- Membantu kanak-kanak menerokai dan meluahkan perasaan, mencapai kesedaran diri, serta meningkatkan keyakinan dan keupayaan mereka menangani krisis kehidupan

Kumpulan sasaran:-

- Kanak-kanak berumur 3 – 12 tahun yang menghadapi masalah emosi dan/atau tingkahlaku (misalnya kanak-kanak dalam krisis seperti mengalami kemurungan, ibu bapa bercerai atau berpisah; mengalami trauma; dengan penyakit berpanjangan; menyaksi keganasan; didera secara fizikal, emosi, seksual dan diabaikan)
- Pekerja BOLD akan menilai sama ada kanak-kanak akan bermanfaat daripada program ini

Struktur: -

- Satu blok selama 6 minggu, setiap sesi seminggu selama 1 jam

Komitmen Ibu Bapa:-

- Tiba tepat masa untuk semua sesi
- Hadir perjumpaan dengan sukarelawan/penyelaras program untuk membincang perkembangan kanak-kanak